

UNIMAS fokus kajian 5 projek penyelidikan

Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) memberi penekanan terhadap kajian lima projek penyelidikan yang dijalankan pelajarnya dengan bantuan dana penyelidikan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Cadangan penyelidikan yang diterima adalah berkaitan bidang tenaga, teknologi hijau dan air iaitu penghasilan sumber tenaga daripada tanah paya; kegunaan karbon dioksida rendah bagi penghasilan simen dan konkrit.

Rawatan sisa air untuk digunakan di kawasan perindustrian Sago; e-radiasi untuk kegunaan di Sarawak serta penghasilan elektrik menggunakan kuasa angin.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter

Chin Fah Kui, berkata dana sebanyak RM70,000 akan diagihkan kepada cadangan projek yang sesuai, selain bantuan tambahan bagi membantu penyelidikan itu.

“Dana RM70,000 ini untuk kegunaan pelajar yang ingin turut serta dalam penyelidikan dengan bantuan serupa sebanyak RM130,000 diagihkan sebelum ini. Sebenarnya dalam penyelidikan, banyak lagi sumber yang boleh dicari selain mengharapkan bantuan kementerian.

“Sebagai contoh, bantuan boleh diperoleh daripada MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi). Penyelidik perlu proaktif untuk mencari sumber kewangan bagi menjayakan usaha penyelidikan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Pe-



Peter Chin (berdiri empat dari kanan) menyampaikan replika Tabung Penyelidikan Program Mentor: 1 IPTA 1MENTERI kepada Khairuddin di Student Pavilion UNIMAS semalam.

nyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) di kampus UNIMAS di sini, semalam.

Majlis dihadiri Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid; Ketua Seksyen Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan (KPDNKK) negeri, Mohd Rahim Ibrahim dan Ke-

tua Bank Rakyat Wilayah Sarawak, Azman Abd Aziz.

Chin yang juga Menteri Mentor UNIMAS, berkata bantuan diberikan kepada pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi awam dan swasta kerana bantuan kebiasaannya disediakan untuk penyelidik terdiri daripada pelajar peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.